

MINGGU 06

WAJIB-WAJIB HAJI:

**MELONTAR DI JAMRAH KUBRA 10 ZULHIJJAH,
MABIT DI MINA DAN MELONTAR PADA
HARI-HARI TASYRIQ DAN NAFAR**



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran*

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah,
Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Hamba-Mu datang
menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu, Hamba-Mu
datang menyahut panggilan-Mu, Sesungguhnya segala puji dan nikmat
dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu.

NOTA

Bertalbiah disunatkan selepas niat hingga sebelum memulakan
Tawaf bagi Umrah dan sebelum melontar Jamrah Kubra/Tawaf Haji.

- 1** Menyatakan syarat-syarat sah melontar di Jamrah pada 10 Zulhijjah dan hari-hari Tasyriq.
- 2** Memahami konsep bermalam (mabit) di Mina.
- 3** Membezakan antara Tahallul Awwal dan Tahallul Thani serta Nafar Awwal dan Nafar Thani.

ISI KANDUNGAN

- 1 Wajib Haji 4: Melontar Jamrah Kubra
- 2 Tahallul Awwal dan Tahallul Thani
- 3 Wajib Haji 5: Bermalam (mabit) di Mina
- 4 Wajib Haji 6: Melontar ketiga-tiga Jamrah
- 5 Nafar Awwal atau Nafar Thani

WAJIB HAJI 4: MELONTAR JAMRAH KUBRA

PELAKSANAAN RUKUN & WAJIB HAJI



1

Niat Ihram Haji



2

Niat di Miqat

Larangan Ihram

3



4

Wuquf di Arafah



5


Mabit di Muzdalifah



6

Melontar Jamrah Kubra pada 10 Zulhijjah

SERENTAK




11

Sa'ie



10

Tawaf



9

Melontar Ketiga-tiga Jamrah pada 11, 12 & 13 Zulhijjah



8

Mabit di Mina 11, 12 dan 13 Zulhijjah



7

Bergunting/Bercukur

12

Tertib pada Kebanyakan Rukun



RUKUN HAJI



WAJIB HAJI

8



ZULHIJJAH

HARI TARWIYYAH

MAKKAH

Niat (R)/Miqat (W)
/Ihram Haji (W)

Selepas Nafar Thani

Sebelum balik:
Tawaf Rukun (R)
dan Sa'ie (R)

Tahallul Thani

9



ZULHIJJAH

HARI ARAFAH

ARAFAH

8/9 ZH:

Tiba & bermalam
di Arafah

9 ZH:

Wuquf (R) selepas
gelincir matahari

Sebahagian malam
di sini Mabit (W)
seketika atau hingga
terbit fajar sidiq

MUZDALIFAH

10



ZULHIJJAH

Jamrah Kubra (W)

Bercukur/
Bergunting (R)

Tahallul Awwal

Nafar Awwal
atau Nafar Thani

10 ZH:

Hari Nahar

11, 12 & 13 ZH:

Mabit di Mina (W)
& lontaran pada
Hari-hari Tasyriq (W)

MINA

10,11,12 & 13

ZULHIJJAH

Pulang ke Makkah selepas Nafar Awwal/Nafar Thani

WAJIB HAJI 4: MELONTAR JAMRAH KUBRA

Melontar Jamrah Kubra pada 10 Zulhijjah (Hari Nahar) di Mina



Jamrah Kubra: 7 biji anak batu

MASUK WAKTU

Bermula selepas separuh malam 10 Zulhijjah dan berakhir apabila terbenam matahari (masuk waktu Maghrib) 13 Zulhijjah

WAKTU AFDHAL

Pada waktu Dhuha 10 Zulhijjah

WAJIB HAJI 4: MELONTAR JAMRAH KUBRA

TEROWONG MUAISSIM

JAMRAH SUGHRA

JAMRAH WUSTA

JAMRAH KUBRA

NOTA


Jarak di antara Jamrah Sughra ke Jamrah Wusta ialah 200 meter.
Manakala jarak antara Jamrah Wusta ke Jamrah Kubra ialah 247 meter.

WAJIB HAJI 4: MELONTAR JAMRAH KUBRA



NOTA

- Lontaran Jamrah Kubra 10 Zulhijjah hendaklah dilakukan sebelum lontaran hari-hari tasyriq.
- Dilarang melontar untuk orang lain kecuali setelah melontar untuk dirinya sendiri.



TAHALLUL AWWAL DAN TAHALLUL THANI

TAHALLUL AWWAL DAN TAHALLUL THANI**JENIS-JENIS TAHALLUL**

Tahallul adalah melepaskan diri daripada larangan ihram.

**TAHALLUL
HAJI****TAHALLUL AWWAL**

Bebas semua larangan ihram
kecuali pendahuluan
persetubuhan, bersetubuh
dan hal ehwal nikah kahwin

TAHALLUL THANI

Bebas semua
larangan ihram

TAHALLUL AWWAL DAN TAHALLUL THANI

3 (TIGA) PERBUATAN YANG MENGHASILKAN TAHALLUL HAJI

1



**MELONTAR
JAMRAH KUBRA**

2



**BERGUNTING
ATAU BERCUKUR**

3



TAWAF DAN SA'IE

NOTA

- Apabila jemaah Haji melaksanakan 2 dari 3 perbuatan di atas maka terhasillah Tahallul Awwal.
- Pelaksanaan ketiga-tiga perbuatan menghasilkan Tahallul Thani.
- Pelaksanaan perbuatan tersebut tidak perlu mengikut turutan.

TAHALLUL AWWAL DAN TAHALLUL THANI

PENGHASILAN TAHALLUL AWWAL & TAHALLUL THANI

Tahallul Awwal
terhasil di Mina

**LAKUKAN DUA
DARIPADA TIGA**

Tahallul Awwal
terhasil di Makkah

1. Melontar Jamrah Kubra
2. Bergunting/bercukur

1. Tawaf & Sa'ie (Tamattu')
2. Bergunting/bercukur

Bebas 10 daripada 13 larangan ihram kecuali pendahuluan persetubuhan, bersetubuh dan hal ehwal nikah kahwin.



Tahallul Thani
terhasil di Makkah

**LAKUKAN
YANG KETIGA**

Tahallul Thani
terhasil di Mina

3. Tawaf & Sa'ie (Tamattu')

3. Melontar Jamrah Kubra

Bebas tiga baki larangan ihram.



- Setelah melaksanakan WUQUF dan selepas separuh malam 10 Zulhijjah.

WAJIB HAJI 5: BERMALAM (MABIT) DI MINA

MINGGU
06

Wajib-wajib Haji

15

WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA



BERMABIT DI MINA



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



**MALAYSIA
MADANI**



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my




+603-6207 1919

WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA

Mabit (bermalam) di Mina bermaksud berada di bumi Mina pada malam Hari Tasyriq dalam tempoh lebih daripada separuh malam.



MABIT (BERMALAM)
PADA MALAM
11, 12 & 13
ZULHIJJAH



WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA

Tempoh bermabit ada dua (2) pendapat:

Pendapat yang
muktamad atau
al-asah iaitu:

Berada lebih daripada
separuh malam

Pendapat yang
kedua atau *muqabil*
al-asah iaitu:

Memadai berada seketika
sebelum dan selepas Subuh

**Tidak digalakkan. Hanya
bagi kes darurat sahaja.*

WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA**PENGECEUALIAN MABIT JIKA UZUR**


- Orang yang takut dirinya mendapat bahaya.
- Orang yang takut kehilangan atau kebinasaan harta bendanya atau harta benda orang lain yang diamanahkan kepadanya walaupun sedikit.
- Orang yang mencari orang yang sesat atau hilang.
- Orang yang sakit dan sukar baginya untuk mabit.
- Orang yang menjaga atau menemani orang yang sakit di luar Mina.
- Orang yang di luar Mina tidak mendapat tempat untuk mabit kerana kawasan Mina telah penuh sesak dan padat dengan Jemaah Haji.
- Petugas-petugas yang diarahkan menguruskan kebajikan Jemaah Haji.

WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA

AMALAN-AMALAN SUNAT DI MINA



Bertakbir



**Membaca
al-Quran**



**Sentiasa dalam
keadaan berwuduk**




Solat berjemaah



Tolong-menolong



**Fokus kepada
ibadat**



**Berdoa, berselawat,
beristighfar & berzikir**

WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA

PERBUATAN YANG DITEGAH SEWAKTU DI MINA

فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ

Maka tidak boleh melakukan perkara tidak senonoh, tidak boleh melakukan maksiat dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan Haji.

- (Surah al-Baqarah: ayat 197)



WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA



SUASANA JEMAAH HAJI
DI PERKHEMAHAN MINA

WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA



SUASANA JEMAAH HAJI BERMALAM DI PERKHEMAHAN MINA



WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH




Jemaah Haji berjalan kaki menuju ke tempat melontar.

NOTA

Jarak di antara perkhemahan di Mina Muaissim ke jamrah (tempat melontar) ialah 3.5 km (sehala) – Jemaah Haji perlu berjalan kaki.

WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

Melontar ketiga-tiga Jamrah pada 11,12 dan 13 Zulhijjah



*Dilarang melontar untuk orang lain kecuali setelah melontar untuk dirinya sendiri.

WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

WAKTU MELONTAR

11 ZULHIJJAH	WAKTU DIHARUSKAN Bermula selepas terbit fajar* 11 Zulhijjah dan berakhir apabila terbenam matahari 13 Zulhijjah	WAKTU AFDHAL Bermula selepas gelincir matahari (Waktu Zuhur) 11 Zulhijjah
12 ZULHIJJAH	WAKTU DIHARUSKAN Bermula selepas terbit fajar* 12 Zulhijjah dan berakhir apabila terbenam matahari 13 Zulhijjah	WAKTU AFDHAL Bermula selepas gelincir matahari (Waktu Zuhur) 12 Zulhijjah
13 ZULHIJJAH	WAKTU DIHARUSKAN Bermula selepas terbit fajar* 13 Zulhijjah dan berakhir apabila terbenam matahari 13 Zulhijjah	WAKTU AFDHAL Bermula selepas gelincir matahari (Waktu Zuhur) 13 Zulhijjah


*Mengikut Imam al-Rafi'i, al-Asnawi dan lain-lain.

WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

MELONTAR JAMRAH SUGHRA, WUSTA DAN KUBRA




Hari Tasyriq pertama



7 biji x 3 jamrah =
21 biji anak batu




Hari Tasyriq kedua



7 biji x 3 jamrah =
21 biji anak batu



Hari Tasyriq ketiga



7 biji x 3 jamrah =
21 biji anak batu

WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH



Suasana Jemaah Haji berjalan di jamrah untuk melontar pada Hari Tasyriq pada hari 11,12 dan 13 Zulhijjah (berpakaian biasa setelah Tahallul Awwal).



WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

KAEDAH
WAKIL
MELONTAR

Rujuk kepada Pegawai Perubatan dan Pembimbing Ibadat Haji sebelum urusan wakil melontar.

Melontar untuk diri sendiri dahulu sebelum melontar untuk orang lain (jika menerima *wakalah* daripada orang yang melontar). Perlu mendapat persetujuan dan keizinan orang yang diwakilkan terlebih dahulu.

Sebaiknya diwakilkan lontaran apabila masuk waktu melontar pada hari tersebut. Walau bagaimanapun, Jemaah Haji yang mewakili lontaran sebelum masuk waktu adalah sah.

Boleh mewakili lontaran melalui media sosial/telefon/sms/'messaging' dengan syarat kedua-dua pihak maklum dan faham akan maksud yang dikehendaki.

NAFAR AWWAL ATAU NAFAR THANI

NAFAR AWWAL ATAU NAFAR THANI


❁ وَأَذْكُرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَّعْدُودَاتٍ ۚ فَمَنْ تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَنْ تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ لِمَنِ اتَّقَىٰ ۚ وَآتَقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٠٣﴾

“Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan Haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka ia tidaklah berdosa dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa; (ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertaqwa dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ketahuilah sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepadanya.”

Surah al-Baqarah: ayat 203

NAFAR AWWAL ATAU NAFAR THANI

Nafar adalah meninggalkan bumi Mina.



NAFAR AWWAL ATAU NAFAR THANI

NAFAR AWWAL



Nafar Awwal ialah meninggalkan Mina pada 12 Zulhijjah.

Syarat-syarat Nafar Awwal



- 1 Telah melakukan lontaran pada 11 dan 12 Zulhijjah dengan sempurna.
- 2 Telah bermabit di Mina pada malam 11 dan 12 Zulhijjah dengan sempurna.
- 3 Berniat Nafar Awwal di Mina.
- 4 Keluar dari Mina sebelum tenggelam matahari pada 12 Zulhijjah.
- 5 Berazam untuk tidak kembali ke Mina pada 13 Zulhijjah dengan tujuan bermalam atau melontar ketiga-tiga Jamrah.

NAFAR AWWAL ATAU NAFAR THANI

NAFAR THANI

Takrif
Nafar Thani

Nafar Thani ialah keluar dari Mina pada 13 Zulhijjah apabila selesai bermalam di Mina dan melontar ketiga-tiga Jamrah pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah dengan sempurna.



Waktu Ibadat Haji

35

	9 Zulhijjah		10 Zulhijjah		11 Zulhijjah		12 Zulhijjah		13 Zulhijjah				
		Zuhur	Tengah Malam	Fajar	Maghrib	Tengah Malam	Fajar	Maghrib	Tengah Malam	Fajar	Maghrib	Fajar	Sebelum Terbenam
WUQUF		→											
MABIT MUZDALIFAH			→										
MELONTAR KUBRA 10 ZULHIJJAH			→										
MABIT MALAM 11 ZULHIJJAH													
MELONTAR 11 ZULHIJJAH						→							
MABIT MALAM 12 ZULHIJJAH													
MELONTAR 12 ZULHIJJAH								→					
MABIT MALAM 13 ZULHIJJAH													
MELONTAR 13 ZULHIJJAH											→		
TAWAF/ SA'IE HAJI			→										
BERGUNTING/ BERCUKUR			→										

Sa'ie haji bagi mereka yang melaksanakan Haji Iفراد diberi dua pilihan; sama ada selepas Tawaf Qudum atau selepas Tawaf Ifadhah (Haji). Pertukaran hari dalam Islam bermula waktu Maghrib.

KESIMPULAN**1**

Lontaran pada hari-hari tasyriq yang dilakukan sebelum subuh adalah tidak sah kerana belum masuk waktu.

2

Dalam ibadat haji terdapat dua tahallul iaitu Tahallul Awwal dan Tahallul Thani.

3

Nafar Awwal ataupun Nafar Thani adalah pilihan namun lakukanlah dengan penuh keikhlasan dan ketaqwaan.

DOA MOHON HAJI YANG MABRUR

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا وَذَنْبًا مَغْفُورًا وَسَعْيًا
مَشْكُورًا وَعَمَلًا صَالِحًا مَقْبُولًا وَتِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ

Ya Allah, Ya Tuhan kami kurniakanlah haji yang mabrur dan ampunkanlah dosa-dosa hamba dan pekerjaan haji yang dipuji, amalan soleh yang diterima dan perniagaan yang tidak merugikan.

SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T.

KESABARAN & KETENANGAN

SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK
GANJARAN

*Haji Yang Mabror &
Umrah Yang Maqbulah*

*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran*